

## Yayasan Amal TYT Pulau Pinang tanam 2,000 pokok bakau

# Yayasan Amal TYT Pulau Pinang tanam 2,000 pokok bakau

**Kepala Batas:** Yayasan Amal Tuan Yang Terutama (TYT) Pulau Pinang dengan kerjasama agensi awam dan syarikat swasta menanam 2,000 pokok bakau di Sungai Tembus, Kuala Muda, di sini.

Penanaman pokok bakau minyak itu mampu memberi manfaat kepada 6,000 nelayan di negeri ini kerana mempunyai nilai ekonomi berganda, selain menjadi tempat pembiakan hidupan laut.

Selain itu, hutan bakau menjadi penampan kepada angin kencang, ribut dan tebatan kepada pantai dan sungai.

Ketua Pegawai Eksekutif yayasan terbabit, Datuk Seri Rozali Mohamad, berkata menyedari kebaikan mengenai pokok bakau itu mendorong pihaknya menanam tanaman berkenaan, lebih-lebih lagi kawasan itu persinggahan burung hijrah.

"Terdapat banyak sangat kepentingan berhubung pokok bakau ini untuk mewujudkan ekosistem karbon biru yang menyediakan habitat kepada pelbagai spesies laut dan pesisiran pantai.

"Di Teluk Air Tawar sampai ke Kuala Muda, termasuk Sungai Tembus di Seberang Perai Utara, sepanjang lapan kilometer (km), satu-satunya kawasan 'Penting



Tun Ahmad Fuzi (depan dua dari kanan) bersama peserta menanam pokok bakau minyak di Sungai Tembus, Kuala Muda, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

Burung dan Biodiversiti' atau dinamakan IBA.

"Kawasan ini diiktiraf sebagai *flyway site* iaitu kawasan burung pantai dan air yang berhijrah dan berehat yang burung itu singgah di sini apabila musim sejuk di utara. Ini memerlukan kawasan persekitaran dipelihara, termasuk dalam penjagaan ekosistem melalui tanaman pokok bakau," katanya di sini, semalam.

Program membatik 20 rakan strategik dan 200 sukarelawan itu disempurnakan Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid.

Mengulas lanjut, Rozali berkata, kira-kira 20,000 burung laut berhijrah mulai September setiap tahun dan melalui kawasan itu.

Mulai bulan Februari hingga Mac, katanya, burung hijrah akan pulang semula ke tempat asal seperti Mongolia, Korea, Russia, China dan Jepun.

"Kawasan ini juga terdapat sekurang-kurangnya 3,000 burung air tempatan seperti bangau, pucung, sintar, pangling, tiang air, ayam-ayam, ruak-ruak, ueph dan komoran.